

13 MAY 1997

Mahathir-Everest

KERAJAAN TAK DESAK PENDAKI EVEREST MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan tidak pernah mengenakan tekanan terhadap pendaki Malaysia dalam usaha mereka menawan Gunung Everest.

Beliau berkata kerajaan sentiasa mahukan mereka memberi keutamaan kepada keselamatan diri.

"Kita tidak pressure (beri tekanan) apa, kita kata jaga keselamatan (mereka)," katanya kepada pemberita di ruang legar Parlimen hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai laporan agensi berita asing yang memetik ketua pasukan Everest New Zealand, Guy Cotter, sebagai berkata pendaki Malaysia menghadapi tekanan kerajaan dalam "tugas mengibarkan bendera" di puncak tertinggi dunia itu.

Cotter juga dipetik sebagai berkata kononnya "orang di Kuala Lumpur tidak memahami apa-apa mengenai pendakian gunung. Kerajaan mereka memberitahu bahawa mereka perlu tiba di puncak Everest menjelang 20 Mei ini."

Dr Mahathir, yang mengilhamkan projek menawan Everest itu, berkata beliau hairan kenapa orang asing ingin tahu mengenai "cara apa kita buat".

"Macam mana kita hendak memberi tekanan kepada mereka pula, bukan kita hendak paksa...dia (para pendaki) buat secara suka hati, kita tahu mereka bersemangat. Tak ada tekanan apa-apapun," kata beliau.

Pasukan pendaki Malaysia dilaporkan menanggungkan pendakian mereka ke puncak itu berikutan cuaca buruk dan kini berehat di Kem Pangkalan Everest.

Projek itu yang dilancarkan pada Jun tahun lepas dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan Persatuan Mendaki Malaysia dan melibatkan 20 pendaki. -- BERNAMA

NI NAK MAI